

12 APR 2001

MAHATHIR DAN ISTERI AKAN HADIRI RUMAH TERBUKA VASAKHI SABTU INI

KUALA LUMPUR, 12 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menghadiri rumah terbuka Vasakhi yang akan diadakan di SSU-Kelab Aman, Jalan Damai di sini Sabtu ini.

Isteri beliau Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali akan turut hadir, menurut kenyataan Sikh Naujawan Sabha Malaysia atau Persatuan Pemuda Sikh Malaysia hari ini.

Hari Vasakhi, yang akan mula disambut esok dirayakan oleh masyarakat Sikh di seluruh dunia ialah bagi memperingati peraturan Khalsa yang wujud pada tahun 1699.

Permulaan bulan Vasakh, menandakan berakhirnya musim menuai di Punjab.

-- BERNAMA

MHI AR ZB